

BAB KEDUA

LANDASAN TEORI

2.1 NEGERI TERENGGANU DARI SUDUT GEOGRAFI

2.1.1 Sempadan Negeri dan Iklim

Negeri Terengganu letaknya di garisan bujur antara 102.5 - 103.5 dan garis lintang 4 - 5.5 di Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia) bersempadan di sebelah Utara dan Barat Laut dengan negeri Kelantan (di sebelah laut daripada Pulau Susu Dara menuju Pacakan, Beris Pak Abu, Alur Nibung, Bukit Kubu dan Bukit Yong mengikut bengkok-bengkok sungai Semerak), di sebelah Selatan dan Barat-Daya ialah Pahang (adalah dikatakan dalam tahun 1828 Masihi dengan perantaraan seorang pegawai British bernama Tuan Markas, maka Kemaman telah dimasukkan di bawah takluk Terengganu) dan di sebelah Timur adalah Laut China Selatan.¹

Iklim negeri ini boleh dikatakan sederhana kerana sukatan hawanya lebih kurang antara 67 - 93 darjah F. Tiap-tiap tahun negeri ini mengalami musim tengkujuh, kebiasaannya antara pertengahan bulan Disember sehingga bulan Februari yang dikenali dengan nama " musim hujan ", ukuran hujannya menurut biasanya ialah 30 cm.²

¹Dato' Haji Muhammad Salleh b. Hj. Awang (MISBAHA), Sejarah Darul - Iman hingga 1337 H = 1981 Masihi, K.Lumpur; Utusan Publication Distributors Sdn. Bhd. 1983, hal. 1

²Ibid, hal. 1

2.1.2 Keluasan dan Penduduk

Luas negeri Terengganu lebih kurang 1³ 027.70 Km. persegi, panjangnya 215 Km. dan kawasan yang paling lebar 96.60 Km. Penduduknya menurut bancian 1921 berjumlah 153,765 orang (77,115 lelaki dan 76,650 perempuan) iaitu; 145,523 Melayu, 7,246 Cina, 211 India, 34 Eropah dan 751 lain-lain bangsa. Dari jumlah penduduk yang terdiri daripada berbagai bangsa ini, 9,350 orang nelayan, 48,344 petani, 531 pembong, 661 bertukang kayu dan 9,334 bertenun.

Menurut bancian tahun 1947 penduduk Terengganu berjumlah 225,996 orang dan bancian tahun 1951 berjumlah 236,300 orang, kira-kira 90 % daripadanya orang-orang Melayu. Mengikut keterangan seorang nakhoda bangsa Inggeris bernama Kapten Alexander Hamilton yang telah melawat Terengganu sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1719 dan 1720 Masihi, menyatakan jumlah rumah di Kuala Terengganu semasa itu lebih kurang seribu buah sahaja, kedudukannya berselerak di sana-sini dan tidak teratur,³ menurut bancian tahun 1959 adalah berjumlah 278,147 orang dan tahun 1960 berjumlah 306,942 orang terdiri daripada Melayu 263,181 orang, Cina 19,459 orang. Bagi tahun 1963 berjumlah 339,816 orang, manakala taksiran tahun 1970 berjumlah 405,751 orang (220,859 laki-laki, 204,892 perempuan) berbanding dengan bancian 1957 jumlahnya 278,147 orang iaitu (dari enam jajahan takluk Terengganu):-

³Ibid., hal.2

1. Jajahan Kuala Terengganu mempunyai 124,388 orang penduduk dengan luasannya lebih kurang 1310.54 Km. persegi mengandungi 28,453 buah rumah.
2. Jajahan Besut mempunyai 53,273 orang penduduk dengan luasannya lebih kurang 1978.54 Km. persegi mengandungi 12,768 buah rumah.
3. Jajahan Ulu Terengganu mempunyai penduduk seramai 22,649 dengan luasannya lebih kurang 3874.64 Km. persegi terdiri 5,863 buah rumah.
4. Jajahan Marang mempunyai 14,549 orang penduduk, luasannya lebih kurang 520.95 Km. persegi terdiri 5,863 buah rumah.
5. Jajahan Dungun mempunyai 30,683 orang penduduk, luasannya lebih kurang 2735.04 Km. persegi, terdiri 7,537 buah rumah.
6. Jajahan Kemaman mempunyai 32,605 orang penduduk, luasannya lebih kurang 2535.61 Km. persegi, terdiri 8,094 buah rumah.⁴

Mengikut laporan Buku Tahunan Perangkaan 1985 menyatakan luas negeri Terengganu 12,955 Km. persegi, iaitu jajahan Besut 1,979 Km. persegi, Kemaman 2,536 Km. persegi, Kuala Terengganu 1,310 Km. persegi, Marang 521 Km. persegi dan Ulu Terengganu 3,875 Km. persegi.⁵

⁴ Ibid., hal. 4

⁵ Buku Tahunan Perangkaan 1985, Jabatan Perangkaan Malaysia, hal. 5.

Penduduk Terengganu menurut bancian tahun 1974 berjumlah 457,00 orang, tahun 1980 berjumlah 520,00 orang, tahun 1983 jumlahnya 591,00 orang dan tahun 1985 penduduknya berjumlah 644,00 orang.⁶

2.1.3 Pekerjaan Penduduk

Negeri Terengganu telah didiami oleh penduduk-penduduk sejak tahun sebelum Masihi lagi, kerana ia mempunyai pelabuhan-pelabuhan yang paling cantik di antara negeri-negeri di Pantai Timur dan mempunyai banyak sungai-sungai yang jernih dan 'navigable'⁷. Di antara bukti-bukti yang menunjukkan ini wujud sebelum Masihi lagi ialah sebagaimana tersebut dalam buku " Tai-i-chih-leo " oleh Wang Tang Yuan yang di antara lain menggambarkan " bahawa tanah di situ tidaklah begitu subur, namun begitu orang yang sehabis miskin pun cukup makan ". Ini menunjukkan bahawa negeri ini sejak awal-awal lagi merupakan negeri yang kaya dan makmur.

Sejak abad ke-13 lagi orang-orang Melayu Terengganu telah menjalankan perniagaan melalui 'perahu besar' ke daerah-daerah Kepulauan Melayu, Siam dan Indo-China. Dagangan-dagangan yang diperniagakan oleh

⁶ Buku Cenderamata 10 Tahun Pereembangan Negeri Terengganu (1974 - 1984) Pejabat Kemajuan Terengganu, hal.33.

⁷ Hugh Clifford, A Journey Through The Malay States Terengganu and Kelantan, JMBRAS, Vol. 34, Part I, 1961, hal. 54

⁸ Paul Wheatley, The Golden Cherosonese, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961, hal. 110.

mereka ialah kelapa, barang-barang hutan, kajang dan lain-lain lagi. Sementara dagangan-dagangan yang dibawa pulang ialah garam dan beras dari Siam dan Indo-China, rempah-rempas dan kain dari kepulauan Melayu. Di samping itu juga bertani, menangkap ikan dan menghasilkan kerja-kerja tangan seperti kain songket dan barang-barang tembaga juga merupakan pekerjaan-pekerjaan yang asas. Bertukang perahu juga dijalankan di tepi-tepi sungai juga merupakan satu-satu perusahaan warisan hingga kini, terutama di Pulau Duyung dan Seberang Takir. Terdapat juga melombong emas dan bijih Timah di daerah-daerah pendalaman.

Kemajuan masyarakat Terengganu dapat dilihat dengan lebih jelas lagi daripada gambaran-gambaran yang diberi oleh beberapa orang pegawai British yang melawat Negeri Terengganu pada abad ke-19. Clifford semasa lawatannya pada 1894, antara lain menyatakan ' di Negeri Terengganu ketika itu telah wujud segolongan kelas pertengahan yang berjaya di bidang perusahaan dan pertukangan sambil menganggap Kuala Terengganu sebagai ' Birmingham of the Peninsula ' ⁹, dengan penduduknya rata-rata kuat mengamalkan suruhan agama. Wright dan Reid ¹⁰ pula turut melaporkan bahawa, "penduduk-penduduk Negeri Terengganu telah maju dalam menangkap ikan, pertanian dan pertukangan hinggakan ada orang yang telah mencipta ' breechloadings hammerless guns ' dan ' gramophones ' ¹¹. Kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Terengganu dalam pertukangan dan anyaman ber-

⁹ Hugh Clifford, op.cit., hal. 78

¹⁰ A. Wright and T.H. Reid, The Malay Peninsula, London, 1912, hal. 178.

¹¹ Nohamad Bin Abu Bakar, Haji Wan Abdullah b. Haji Wan Mohd. Amin (Tuk Syekh Duyung), PESAKA IV, Kuala Terengganu, Muzium Negeri Terengganu, 1987. hal. 78-79.

meroka ialah kelapa, barang-barang hutan, kajang dan lain-lain lagi. sementara dagangan-dagangan yang dibawa pulang ialah garam dan beras dari Siam dan Indo-China, rempah-rempas dan kain dari kepulauan Melayu. Di samping itu juga bertani, menangkap ikan dan menghasilkan kerja-kerja tangan seperti kain songket dan barang-barang tembaga juga merupakan pekerjaan-pekerjaan yang asas. Bertukang perahu juga dijalankan di tepi-tepi sungai juga merupakan satu-satu perusahaan warisan hingga kini, terutama di Pulau Duyung dan Seberang Takir. Terdapat juga melombong emas dan bijih Timah di daerah-daerah pedalaman.

Kemajuan masyarakat Terengganu dapat dilihat dengan lebih jelas lagi daripada gambaran-gambaran yang diberi oleh beberapa orang pegawai British yang melawat Negeri Terengganu pada abad ke-19. Clifford semasa lawatannya pada 1894, antara lain menyatakan ' di Negeri Terengganu ketika itu telah wujud segolongan kelas pertengahan yang berjaya di bidang perusahaan dan pertukangan sambil menganggap Kuala Terengganu sebagai ' Birmingham of the Peninsula ' ⁹, dengan penduduknya rata-rata kuat mengamalkan suruhan agama. Wright dan Reid ¹⁰ pula turut melaporkan bahawa, "penduduk-penduduk Negeri Terengganu telah maju dalam menangkap ikan, pertanian dan pertukangan hinggakan ada orang yang telah mencipta ' breechloadings hammerless guns ' dan ' gramophones ' ¹¹. Kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Terengganu dalam pertukangan dan anyaman ber-

⁹ Hugh Clifford, on.cit., hal. 78

¹⁰ A. Wright and T.H. Reid, The Malay Peninsula, London, 1912, hal. 178.

¹¹ Mohamad Bin Abu Bakar, Haji Wan Abdullah b. Haji Wan Mohd. Amin (Tuk Syeikh Duyung), PESAKA IV, Kuala Terengganu, Muzium Negeri Terengganu, 1987, hal. 78-79.

kemungkinan besar adalah kesan dari pengaruh kebudayaan Melayu Champa yang sejak dulu lagi ada hubungan dengan Terengganu dan Kelantan, terutama dalam pembuatan barang-barang logam, seni tenunan dan anyaman.

2.1.4 Asal-usul Nama Terengganu

Menurut cerita yang dikatakan dapat didengar daripada al-Marhum Baginda (Sultan Omar, Sultan Terengganu yang kesembilan memerintah 1839-1876), kononnya pada zaman dahulukala sebelum negeri ini dikenali dengan nama Terengganu, ada suatu rombongan dari negeri Pahang mengembara di sebelah Ulu Terengganu Mati untuk memburu, seorang daripadanya ada berjumpa sebatang taring, kata seorang di antaranya; "Taring apakah? Jawab seorang lain, "Taring Anu..." kerana tidak ingat hendak menyebut namanya. Kisah perbualan antara mereka habis begitu sahaja.

Selang beberapa hari kemudian, kumpulan itu ada berjumpa dengan seekor rusa dan dapat diburunya. Apabila orang-orang yang berjumpa rusa itu membawa balaik perburuan mereka ke tempat perhentian mereka, maka bertanyalah masing-masing, "di manakah dapat rusa itu? Jawab mereka yang berburu itu "di tempat Taring-anu". Ada pula di antara kumpulan itu berjumpa kayu gaharu, apabila ditanya; di manakah tempat yang dijumpainya; "jawabnya di tepi sungai taring anu", lama kelamaan lekatlah dipanggil nama "Trengganu".¹²

¹²Dato' Haji Mohammad Salleh b. Haji Awang, op.cit., hal.40

Ada lagi beberapa cerita yang menyebabkan Terengganu mendapat nama, seperti asalnya dikaitkan dengan "Terang-nya-ganu" dan "Terang-nya-anu". Ada pula cerita yang menyatakan menurut kata orang tua-tua, pada zama dahulukala, pada suatu ketika kelihatan 'cahaya kilat yang memancar di kaki langit', kejadian itu berlaku pada suatu malam kononnya ramai penduduk di tepi pantai di negeri Kelantan memerhatikan cahaya kilat yang besar, terang benderang di angkasa langit berhadapan dengan mereka dengan disertai bunyi yang terlalu dahsyat bagai petir membelah bukit, sinar cahayanya terang benderang itu sampai ke Kuala sungai Terengganu. Oleh kerana hendak memperingkat had sempadan terangnya cahaya yang ganjil itu lalulah dinamakan tempat itu "Terang Ganu", kemudian manakala sudah menjadi negeri dipanggil "Trengganu" (terang hingga nu, iaitu terang hingga ke sana)

Ada pula cerita "ada suatu taring besar, terbesar sedikit dari gading gajah tetapi lebih besar dari taring-taring binatang lain, didapati di sebuah pulau yang berhampiran dengan kuala sungai, iaitu Pulau Duyung. Kerana berlainan sangat rupa taring itu, maka ketua Pulau Duyung menyembahkan taring tergesa-gesa dijawabnya, "Taring-anu " Taanku. Oleh kerana letaknya pulau itu di seberang sungai Terengganu, berhampiran dengan kualanya, maka sungai itupun dipanggil orang "Sungai Taring Anu".

Satu ceritalagi menyatakan pada suatu masa dahulu, satu rombongan dari Kelantan ada belayar sampai di Kuala Taring Anu (Kuala Terengganu). Setibanya mereka waktu sudah petang, haripun sangat redup dan gelap serta hujan renyai-renyai. Kebetulan pada waktu itu ada cahaya terang

di awan-awan langit dipanggil orang "ular Mayang", orang Kelantan memanggilnya "Pelangi".

Mereka pun bertanya, "di sini orang panggil apa? Jawab orang; "kami panggil Ganu". Kata mereka; "terang sungguh Ganu di sini".

Apabila mereka balik ke Kelantan, merekapun bercerita, "negeri jiran kita bukan main terang Ganu di sana", serta diterangnya erti "Ganu" itu.

Suatu kemungkinan mengenai nama Terengganu terbit dari nama Sungai "Terengan", kerana muara Sungai Terengan berpecah dua, sebelah kanan mudik menghala ke Sungai Kerbat dan di sebelah kiri Kuala Terengan dan Sungai Terengan. Terengan pada masa dahulu telah menjadi sebuah kampung di Ulu Terengganu, jaraknya dari Kuala Terengganu Mati lebih kurang $14 \frac{3}{4}$ batu dan $24 \frac{3}{4}$ batu dari Kuala Brang mengikut sungai.

Oleh kerana keadaan pecahan anak sungai sedemikian, kemungkinan pada zaman dahulu orang ada bertanya dengan soalan ini: Hendak ke mana? Ke Terengan...nu (sana) atau ke Terengan...ni (ini) bererti ke Sungai Terengan atau ke Sungai Kerbat.¹³

Begitulah menurut cerita-cerita yang diperolehi berkenaan asal-usul Terengganu mendapat nama.

¹³ Buku Cederamata PERTABALAN DYM. Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Ibn Al-Marhum Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah, 21 Mac 1981 bersamaan Jamadil Awal 1401, Urusetia Pertabalan dengan kerjasama Bahagian Pengeluaran Visual Jabatan Penerangan Malaysia, 1981.

2.2 ISLAM DI TERENGGANU

2.2.1 Terengganu di Zaman Silam

Menurut keterangan buku-buku sejarah ada menyatakan bahawa perihal orang Terengganu terdahulu daripada Tahun Masihi 1700 tidaklah diketahui dengan tepat, melainkan padatahun 1225 seorang pengarang bangsa china bernama Tschau Jou Kua telah menyebutkan di dalam kitab riwayat karangan-karangannya yang menceritakan darihil perniagaan orang China bahawa Negeri Palembang itu suatu kerajaan yang besar kerana Langkasuka, Terengganu, Pahang dan Kelantan sekelian tertakluk kepadanya.

Di dalam syaer Jawa Nagarakratagama yang dikarang pada tahun masihi 1365 oleh seorang Jawa yang menjadi sami Buddha bernama Prapancha ada menyatakan pada tatkala ini (tahun Masihi 1365) Terengganu serta daerah Dungun tertakluk ke Majapahit.¹⁴

2.2.2 Kedatangan Islam ke Terengganu

Kedatangan Islam ke Terengganu dikatakan bermula dari abad ke lapan Hijrah. Keterangan mengenai hal ini terdapat pada batu bersurat yang dijumpai di Terengganu dalam abad yang ke-14 Masihi.

Tulisan di monument inilah yang dianggap oleh para pengkaji sejarah Islam sebagai sumber yang paling ~~authoritatif~~ ^{authoritatif} dan representatif

¹⁴Ibid., hal.

dalam hal persejarahan Islam di Malaysia. Batu bersurat tersebut ditemui oleh seorang peniaga Arab yang datang dari Riau, Indonesia. Beliau bernama Said Hussin bin Chulam al-Bukhari. Said Hussin pada tahun 1902 yang lalu selalu berulang-alik ke Ulu Terengganu untuk mencari kawasan tanah yang mengandungi timah dan emas bagi menjalankan perusahaan niaganya. Pada suatu hari dalam tahun itu juga beliau sampai ke Kuala Berang, kira-kira 25 batu dari pusat bandar Kuala Terengganu, kemudian beliau dengan pembantunya, Engku Pengiran Anum berihat sambil sembahyang di sebuah masjid yang terletak kurang lebih 60 yard jauhnya dari sungai tersebut.¹⁵

Secara kebetulan Said Hussin ternampak Batu itu yang diletakkan berhampiran masjid sebagai tempat alas membasuh kaki bagi orang-orang yang masuk ke Masjid, lalu beliau membawanya ke Kuala Terengganu untuk dipersembahkan kepada Sultan Zainal Abidin III. Baginda memerintahkan supaya Batu Bersurat itu disimpan di atas Bukit Puteri yang berhampiran dengan Istana Maziah, Kuala Terengganu.¹⁶

Misbaha dalam tulisanya menerangkan bahawa perihal batu itu sudah lama diketahui orang Kampung Buluh, tempat batu itu ditemui. Bahkan ada di antara orang tua di kampung itu yang sempat melihat di tempat asalnya yang masih dalam keadaan terpacak ditanam di tebing Sungai

¹⁵ Engku Pengiran Anum, "How The Terengganu Stone Was Found", Malaya In History, Vol. VII, Sept. 1961, hal.30.

¹⁶ Misbaha, Pusaka Suci, Al-Ahmadiyah Press, Singapura, 1959/61, hal. 9.

Tersat. Apabila tebing sungai itu runtuh akibat dari arus air, maka bahagian kakinya tertanam sedalam 4 kaki.¹⁷

Kemudian Batu Bersurat itu dipindahkan ke sebuah surau yang dikenali sebagai Surau Tok Abdul Rasyid, yang meninggal dunia kira-kira 100 tahun yang lalu. Kemudian dipindahkan pula ke masjid lama Kampung Buluh yang dijadikan sebagai alas membasuh kaki dan di sinilah Said Hussin menemuinya dan dibawa ke Kuala Terengganu. Kemudian Baginda Sultan meminjamkannya kepada Raffles Museum di Singapura, kira-kira 20 tahun yang lalu telah dibawa balik oleh Mazium Negara Kuala Lumpur untuk disimpan.

Batu Bersurat yang dijumpai itu menjadi pesaka yang amat berharga telah merakamkan 'Pemasyhuran Diraja' dari raja dan pemerintah yang berupa dakwah dan pengistiharan undang-undang Islam yang secara resminya Islam telah diterima oleh pemerintah Raja Mandalika dan rakyat umumnya kerana sudah menjadi adat rakyat mengikut pemerintahnya.

Menurut apa yang tercatat pada Batu Bersurat itu yang bertarikh, "...awal hari Jumaat bulan Rejab tahun Saratan Rasulullah sudah berlalu tujuh ratus dua...", Tuan Haji Muhammad Khir bin Haji Mohad Taib,¹⁸ seorang ahli falak telah membuat analisa tarikh sebenar yang tercatat

¹⁷ Ibid., hal.12-14

¹⁸ Mohd. Khir bin Haji Mohd. Taib, "Ketetapan Tarikh Pada Batu Bersurat", dalam Seminar Kedatangan Islam Ke Terengganu, Anjuran Yayasan Islam Terengganu, pada Rejab 13-14, 1401 bersamaan Mei 17-18, 1981, hal. 4-5.

pada Batu Bersurat berdasarkan kepada tarikh bermula dari zaman baginda Muhammad saw. dari Mekah ke Madinah Munawarah pada akhir abad ke-7 M. Hasil analisa yang dibuat oleh beliau adalah seperti berikut;

a) Saya berpendapat bahawa 1 Rejab 702 Hijrah jatuh pada hari Isnin 19hb. Februari 1303 dan hari Jumaat berikutnya jatuh pada 6 Rejab bersamaan 23hb. Februari.

b) Saya berpendapat bahawa bulan Haqiqi di dalam gerakan di angkasa pada 6 Rejab 702 (Jumaat) tidak berada di dalam buruj "Saratan" (سرطان), tetapi dalam buruj "Haut" (حوت).

c) Saya berpendapat perkataan...tujuh ratus dua,..yang terukir itu bukan muktamad, tetapi ada tambahan satu atau dua perkataan lagi pada muka batu yang berikutnya.

d) Saya berpendapat dari angka-angka hisab gerakan haqiqi matahari dan bulan pada hari Jumaat awal rejab tahun hijrah "tujuh ratus dua" ialah tujuh ratus dua puluh lima, jatuh betul-betul kedua-duanya di dalam buruj Saratan.

e) Pendapat saya ini saya dasarkan hanya semata-mata kepada perkataan...saratan (سرطان) kiranya diertikan dengan buruj "Saratan".

Hasil rumusan yang dibuat oleh Tuan Haji Mohd. Khir bin Haji

Taib dan pengulasnya Yang Berhormat Dato' Perba Diraja tokoh agama dan ahli falak yang terkenal di Terengganu telah memutuskan;

- 1) Berdasarkan kepada Saratan dalam Batu Bersurat Terengganu adalah nama buruj (gugusan-gugusan bintang-bintang), maka menurut perkiraan falak Takwin Julian, tarikh yang ada pada Batu Bersurat itu ialah 702 H, kerana pada hari Jumaat 6 haribulan Rejab, tahun 702H bulan didapati sedang bergerak ke dalam Buruj Saratan.¹⁹
- 2) Tarikh tersebut itu bukanlah tarikh masuknya Islam ke Terengganu tetapi adalah pengisytiharan titah Diraja berjalannya kuatkuasa hukum dan undang-undang Islam di Terengganu.

Menurut Dato' Perba Diraja, bekas Kadi Besar Terengganu menyatakan bahawa tarikh yang sebenarnya perintah resmi itu ialah pada 25hb. Februari, 1304²⁰ atau 22hb. Februari, 1303 Masihi.²¹

¹⁹ Menurut buku 'Attanbiqatul Ilhamiyah Fi Muqararati-t-Tawarikhil Hijriyah Bil Sinnil Ifranhiyah wal Qibliyah, karangan Muhammad Mukhtar Basya, awal Rejab tahun 702H, ialah hari Selasa, bererti Jumaat pertama bulan Rejab tahun tersebut jatuh pada 4 hb. bersamaan 22hb. Feb. 1303. Ini bersamaan pendapat yang diberi oleh Dr. Syed Naquib dalam bukunya "The Correct Date of The Terengganu Inscription", Muzium Negara, K.Lumpur, First Edition, 1970, hal.23.

²⁰ Misbaha, op.cit., hal.14

²¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, "The Correct Date of The Trengganu Inscription", Muzium Negara, K.Lumpur, 1970, hal.23.

Dari tarikh yang diperolehi dari Batu Bersurat iaitu "...awal... dua..." adalah menurut kiraanya jatuh pada hari Jumaat 22 hb. Februari, 1303 Masihi, iaitu bersamaan dengan 4 Rejab tahun 702 Hijrah,²² menunjukkan bahawa Islam telah bertapak lebih awal daripada Melaka lebih kurang seratus tahun. Sedangkan kalau dikira menurut sejarah negeri Melaka secara resminya memeluk Islam pada tahun 1409 Masihi/ 812 H.²³

Seorang ahli sejarah yang bernama J.D Jong yang telah membuat penyelidikan pada Batu Bersurat berpendapat bahawa...menemui bukti yang pertama sekali tentang Islam di daerah yang begitu jauh seperti Terengganu menjadi satu teka-teki; saya rasa penjelasan yang paling baik terletak pada dugaan bahawa masyarakat yang sama bentuknya seperti yang bertanggungjawab terhadap tulisan di Kemboja. Mereka ini bukanlah terdiri dari orang-orang Islam setempat, tetapi satu perkampungan orang-orang asing dari saudagar Timur Tengah dan keluarga mereka mungkin juga bersama dengan sejumlah sahabat handai dan kerabat dari orang-orang tempatan sebagai pemeluk Islam baru berkumpul di sekeliling mereka.²⁴

Dari apa yang dapat dilihat dari pandangan J.D.Jong ternyata bahawa saudagar Timur Tengah berperanan sebagai mubaligh yang telah berjaya mengislamkan penduduk tempatan lebih dulu dari tarikh pengisytiharan undang-undang Islam yang tercatat pada Batu Bersurat oleh Raja

²² Ibid, hal.24

²³ Syed Muhammad Naquib al-Attas, Preliminary Statement On A General Theory of The Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago, DBP, Kuala Lumpur, 1969, hal.12.

²⁴ P.E.de Josselin deJong, Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu, Terjemahan Abdullah Hassan, K.Lumpur, Oxford Universiti Press, Hal. 83.

Mandalika.

Menurut D.G.E Hall, bahawa mubaligh (dari Timur Tengah) telah sampai ke Terengganu lebih kurang 100 tahun lebih awal dari tarikh perisytiharan undang-undang Islam dibuat,²⁵ kerana menurut S.Q Fatimi bahawa tulisan pada Batu Bersurat tersebut merupakan tonggak atau rukun, catatan pemerintah bagi perisytiharan undang-undang...perisytiharan supaya mematuhi peraturan-peraturan dari pemerintah supaya mentaati Allah.²⁶ Ini bertepatan dengan proses dakwah Islam yang telah dijalankan oleh Rasulullah Saw. bermula pada soal aqidah dan ibadat kepada soal hukum-hakam. Begitu juga yang berlaku di Terengganu menunjukkan bahawa Islam telah lama masuk sebelum perisytiharan undang-undang Islam dibuat oleh Raja Mandalika seperti yang tercatat pada Batu Bersurat soal mu-amalat, wadiah, hukum perzinaan dan bermukah, hukum keterangan dan acara serta denda bagi yang mengingkari undang-undang tersebut.

Penggunaan tulisan Jawi Melayu pada Batu Bersurat membuktikan bahawa perisytiharan yang dibuat setelah beberapa lama masyarakat setempat memeluk agama Islam. Ini berdasarkan kepada model tulisan Jawi yang terdapat pada Batu Bersurat itu. Menurut S.Q.Fatimi²⁷, tulisan pada monument Terengganu menunjukkan suatu model yang tersendiri yang

²⁵D.G.E. Hall, A History of Southeast Asia, New York, 1970, hal. 206.

²⁶Fatimi, S.Q., Islam Come To Malaysia, Edited by Shirle Gordan, Malaysian Sociological Research Institute LTD., Singapore, 1963.

²⁷Ibid., hal. 42.

dipergunakan di Malaysia. Bentuk tulisannya cenderung menuju ke arah bentuk tulisan ta'liq yang pada abad ke-14 yang lalu menuju dengan cepatnya ke arah bentuk tulisan yang dikenal sebagai nasta'liq.

Sifat dan bentuk tulisan pada Batu Bersurat Terengganu adalah jelas bahawa tulisan jawi tersebut lahir dalam gelombang bahasa Melayu, sebagai akibat langsung dari pengaruh bentuk tulisan dalam bahasa Arab.²⁸ Malah berdasarkan kepada tulisan jawi tersebut merupakan tulisan jawi yang tertua. Bahasa yang digunakan bercampur-aduk antara bahasa Melayu, Sanskrit dan bahasa Arab. Sementara bentuk ejaannya banyak mempergunakan bentuk ajaan arkaif yang sering dianggap oleh para pengkaji bahasa Melayu lama sebagai ciri bahasa Melayu yang tertua.²⁹ Sedangkan tulisan-tulisan yang terdapat pada tempat-tempat lain yang lebih awal menerima Islam seperti Samudera dan Pasai masih lagi tertulis dalam bahasa Sanskrit.³⁰

Negeri Terengganu sejak dulu lagi dari segi geografinya adalah menjadi tempat lalu lalang ahli-ahli pedagang dengan pelabuhannya cantik serta menarik, tidak syak lagi negeri ini telah didatangi oleh pedagang-pedagang Arab yang mengembangkan agama Islam di Negeri China

²⁸W.G. Shellebear, The Evolution of Malay Spelling, JMBRAS, Julai, 1901, hal. 75-79.

²⁹Hamdan Hassan, Isi Kandungan Batu Bersurat dan Tafsiran Bacaannya, Seminar Kedatangan Islam Ke Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, pada Rejab 13-14, 1401 bersamaan Mei 17-18, 1981, hal.22.

³⁰Wan Bakar Wan Dagang, Perlaksanaan Undang-undang dan Kehakiman Islam Semasa Pemerintahan Sultan Zainal Abidin III Terengganu 1681-1919, Fakulti Pengajian Islam, UKM., Kuala Lumpur, 1975/76, hal.

pada kurun ke-7 Masihi yang pernah tiba di Pantai Timur Sumatera terdahulu Marco Polo dalam tahun 1292 Masihi atau pedagang-pedagang India keturunan Arab.³¹

Kedatangan saudagar-saudagar Arab ke sini (Asia Tenggara) adalah kesan dari kemajuan yang telah dicapai di zaman Kerajaan Abbasiyah pada tahun 132H hingga tahun 656H berpusat di Bagdad. Orang-orang Arab Farsi telah mencapai kemajuan yang pesat dalam perniagaan. Sesungguhnya merekalah yang menguasai jalan perniagaan antara Barat dan Timur.

Dr. Wan Hussin Azmi menyatakan bahawa saudagar-saudagar Arab selaku pendakwah Islam sudah sampai ke Asia Tenggara sebelum tahun 650M, kerana menurut beliau pada tahun 650 Masihi sudah wujud kerajaan Islam di Utara Sumatera. Di sinilah tempat terhimpunnya saudagar-saudagar Islam tersebut. Menurut beliau lagi bahawa pedagang-pedagang Arab dari Parsi berulang-alik dari gugusan kepulauan Melayu bergerak ke pusat-pusat perniagaan (Champa, Pantai dan Timur Semenanjung Tanah Melayu) melalui tiga jalan;³²

- 1) Melalui Segenting Kra di mana terdapat Takupa, sebuah pusat perniagaan yang maju pada abad ke-VII Masihi hingga abad ke-XI Masihi dan dari sini masuk ke Kemboja dan terus ke Champa.

³¹ Dato' Haji Muhammad Salleh Haji Awang, op.cit., hal.28

³² Dr. Wan Hussin Azmi, Perkembangan Islam di Terengganu dari Zaman Permulaan Hingga Kini, Seminar Kedatangan Islam Ke Terengganu, 17-18 Mei, 1981, hal.26.

- 2) Melalui Utara Perak ke pusat perniagaan di Koli (Kelantan) dan Tharra (Kuala Terengganu) serta Foloan (Kuala Berang).
- 3) Selat Melaka digunakan di abad ke-VII Masihi maka kapal-kapal perniagaan dari pelabuhan Kedah masuk ke Selat Melaka, singgah di Temasik (Singapura) masuk ke Laut China Selatan dan singgah di pelabuhan-pelabuhan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu seperti pelabuhan Pahang, Tharra (Terengganu), Foloan (Kuala Berang), Koli (Kelantan), Perimula, Kola dan kemudian Kenderang dan Canton.

Peranan pendakwah Arab di Asia Tenggara berasal dari China dan dihubungkan pula dengan perhubungan antara negeri China dengan negeri-negeri Arab, kita dapati perhubungan tersebut khususnya dalam bidang perdagangan telah ada sebelum kedatangan Islam.³³ Pada akhir abad ke-7 Masihi didapati hubungan perdagangan antara orang Arab dengan orang Cina begitu pesat, ketika itu kerajaan Umawiyah sedang bangkit dengan pesatnya. Pada abad ke-8 Masihi semakin ramai pedagang-pedagang Arab di pelabuhan Canton.³⁴ Adalah dianggarkan pada tahun 877 Masihi terdapat antara 120,000 hingga 200,000 orang pedagang Arab Islam menduduki di sekitar pelabuhan Canton tersebut.³⁵

³³ Jaafar Sidiq Yassin, Duta Muhammad di Negeri China, Al-Islam, Februari, 1974, hal. 40.

³⁴ Arnold, T.W., The Preaching of Islam, S.M. Muhammad Ashraf Kachmir Bazar, Lahore, 1968, hal. 367.

³⁵ Shafie Abu Bakar, Kedatangan Islam di Kepulauan Melayu, Dian, Tahun XI - 1972, Cetakan Dian Sdn.Bhd., hal. 10.

Berikut dengan berlakunya 'Pemberontakan Petani' atau 'Huang Ch'so' di Negeri China pada zaman Pemerintahan Hi Tsung, maka kedapatan ramai pedagang-pedagang Islam menjadi korban akibatnya mereka lari ke Kedah dan Palimbang. Menurut Prof. Muhammad Naquib al-Attas peristiwa di atas menandakan pada masa itu Islam telah bertapak di kepulauan Melayu³⁶ dan Terengganu mungkin menjadi salah sebuah tempat persinggahan sebelum sampai ke Kedah ataupun Palimbang.

Peristiwa yang berlaku di China itu sama seperti yang berlaku selepas kejatuhan kerajaan Abbasiyah dan Kota Baghdad ke tangan Hulagu pada tahun 1258 Masihi³⁷ menyebabkan ramai pelarian ulama atau golongan bijak pandai Islam ke tempat-tempat yang biasa dilalui oleh saudagar-saudagar dan mubaligh-mubaligh Islam. Kedatangan ulema-ulema yang pakar di bidang dakwah ini mempercepatkan proses perkembangan Islam di Asia Tenggara. Di dalam gelombang kedatangan pelarian-pelarian ini, negeri Terengganu tentu tidak ketinggalan menjadi tempat tumpuan para pedagang dan ulama-ulama Islam. Selain Batu Bersurat Terengganu yang dijumpai dalam tahun 1889, terdapat bukti lain yang menyokong pendapat tersebut iaitu kedatangan Sharif Muhammad al-Baghdadi.³⁸

³⁶ Syed Muhammad Naquib al-Attas, op.cit., hal.11

³⁷ The Encyclopedia of Islam, Vol.A-B, E.J.Brill, Leiden, 1960

³⁸ Sharif Muhammad al-Baghdadi atau Sharif Muhammad b. Abdullah ialah seorang pembesar di negeri Baghdad. Setelah berlaku huru-hara beliau lari ke Mekah dan akhirnya ke Terengganu, tinggal di Ulu Pauh dan meninggal dunia di Ulu Pauh. (dipetik dari dairi lama yang tersimpan di rumah Ustaz Muhammad b. Taib, Kampung Duyung Besar, Kuala Terengganu.) Beliau adalah ulama yang pertama sekali pernah sampai di Terengganu (Kuala Berang) dan akhirnya menetap di Kg. Pauh Tanjung Dahan, K. Terengganu. Cucu beliau ialah Abdullah b. Abd. Kahar, juga merupakan seorang

Sesungguhnya kedatangan mubaligh-mubaligh Islam ke Terengganu di samping menjalankan perniagaan tentulah mempunyai hubungan yang erat dengan pengembang-pengembang ataupun mubaligh Islam di Champa yang jelas terbukti dari dua catatan hal-hal keislaman yang terdapat pada dua tiang batu Bersurat di sana. Salah satu daripadanya bertarikh tahun 1025 Masihi dan yang satu lagi bertarikh pada tahun 1039 Masihi.³⁹

Walaupun kedatangan Islam ke Champa tidak dapat diketahui dengan jelas dan berdasarkan kepada kenyataan yang lebih lengkap, namun begitu dua buah tiang Batu Bersurat yang telah dijumpai di Phan Pang itu sedikit sebanyak memberi gambaran tentang arah kedatangan dan penyebaran agama Islam di sana. Adalah dipercayai bahawa agama Islam datang ke Champa ini asalnya dari negeri China melalui Kwanton (Canton) dan pulau Hainan di mana zaman lampau terdapat masyarakat pedagang Arab.⁴⁰

Kesan dari pertapakan Islam di Champa pada pertengahan abad ke-10 Masihi adalah mempunyai pertalian erat dengan pengislaman negeri-negeri tertangga. Menurut Coedes yang memetik dari artikal Paul Revaisse Du Champa 1922, telah menunjukkan bahawa pada masa itu telah ujud satu

ulama terkenal telah menghantar seorang anaknya Abdul Malik (Tok Pulau Manis) menuntut di Aceh dan kemudiannya meneruskan pengajiannya di Mekah.

³⁹The Encyclopedia of Islam, Vol. III, Hal. 1029.

⁴⁰Nik Mohammad Salleh, Sejarah Bangsa Melayu/Cham di Indo-China, Berita Minggu, Ahad 11, Mei 1975.

Koloni Pemerintahan Islam di Champa. Pada tahun 958 Masihi misalnya kerajaan Champa pernah menghantar seorang dutanya bernama Pu Ho San (Abu Hasan). Ini menunjukkan bahawa kerajaan yang diwakilinya adalah beragama Islam. Dalam konteks ini berdasarkan artikal Nik Mohammad Salleh telah menyebut bahawa negeri tersebut telah ujud dari tahun 192 Masihi dan berkekalan hingga 1820 Masihi sebagai sebuah negeri Melayu.⁴¹

Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa orang-orang Melayu di Pantai Timur Tanah Melayu seperti Terengganu dan Kelantan, pada masa itu (awal abad ke-5M) belum lagi menerima Islam tetapi dipercayai bahawa telah ada hubungan di antara Terengganu dengan Khemer dan Champa. Sebagai penduduk yang tinggal di tepi pantai, mata pencarian adalah di laut. Mereka adalah terkenal sebagai ahli pelayaran yang handal. Terengganu sejak zaman berzaman menjadi pusat-pusat pembinaan perahu bedor, payang dan sebagainya. Pelayaran perahu besar Terengganu pada zaman itu kesannya masih terdapat hingga hari ini. Mereka mengadakan pelayaran hingga ke Pattani, Teluk Siam, Bangkok, Khemer dan Saigon serta kawasan Selatan termasuk Siantan, Inderagiri dan Sambas kerana menjalankan perniagaan.

Dari kesan-kesan yang terdapat di Terengganu menunjukkan bahawa penduduknya telah melibatkan diri di dalam pelayaran tersebut.

⁴¹ Nik Muhammad Salleh, Champa Negeri Melayu Tertua di Dunia, Berita Minggu, Ahad 4 Mei, 1975.

Mereka terdiri dari penduduk yang tinggal dipersekitaran sungai Terengganu, seperti Pulau Duyung, Losong, Seberang Takir, Pulau Rusa dan pelayar-pelayar dari Terengganu sendiri.⁴²

Jadi oleh kerana Negeri Terengganu dan Kelantan telah sekian lama berhubung dengan negeri Melayu Champa hingga pengaruh-pengaruh kebudayaan terjelma pada seni tenun, pertukangan logam dan anyaman terutamanya di kalangan penduduk Terengganu, maka dari hubungan ini apabila Islam diperkenalkan di Champa, tentu sekali dengan tidak secara langsung membawa kepada memperkenalkan agama Islam di Negeri Terengganu atau negeri-negeri Melayu yang lain di Pantai Timur termasuk Kelantan dan Pattani.⁴³

Mengikut sejarah Foloan (Kuala Berang) adalah sebuah pelabuhan Terengganu yang penting dan disifatkan oleh Prof. Khoo Kay Kim sebagai "International Trading Centre"⁴⁴ dan merupakan pusat perniagaan Sri Wijaya di laut China Selatan yang kaya dengan hasil mahsulnya. Terengganu menurut Dr.Wan Azmi terkenal sebagai pusat agama Buddha. Jadi sebelum Islam bertapak di Terengganu negeri ini terletak di bawah jajahan Sri Wijaya dan penduduknya telah menganut agama Budha, tetapi selepas

⁴² Buku Cenderamata, Seminar Kedatangan Islam ke Tererengganu, 17-18 Mei, 1981, hal.37.

⁴³ Shafie Abu Bakar, Cenderamata Jubli Emas Madrasah al-Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

⁴⁴ Khoo Kay Kim, Kuala Terengganu International Trading Centre, Malaysia In History, Vol.17, No.2, Disember, 1974, hal.16-30.

saudagar-saudagar Arab dan Farsi menjalankan dakwah di Terengganu menyebabkan agama Islam mula berkembang dari masa kesemasa. Dengan bertambahnya bilangan saudagar-saudagar yang datang, penduduknya telah menukar agama dari agama Buddha kepada agama Islam.⁴⁵

Lantaran sejarah zaman tradisi Terengganu mempunyai hubungan dengan negeri-negeri seperti Champa, Jawa, Pattani, Pasai, Borneo dan Jolo. Pelabuhan-pelabuhan tersebut telah didatangi oleh pedagang-pedagang Arab dan Farsi yang mungkin dipercayai pada abad ke-7 Masihi dalam rangka hubungan perniagaan dengan China. Pengislaman di Terengganu tidak dapat dipisahkan pertaliannya dengan pengislaman di lain-lain kawasan di Nusantara. Melihat kepada reuteta riskripsi yang ditemui di Asia Tenggara yang membayangkan kehadiran mereka pada peringkat awal sebelum Phan Rang, Champa 1039, di Gresik, Jawa pada tahun 1082, Pasai tahun 1292, Terengganu 1303, Jolo, Filipina pada tahun 1310 dan Pattani tahun 1150 Masihi.⁴⁶

Berhubung dengan rangkaian kedatangan dan pengaruh Islam di Terengganu, sebagai kesimpulannya adalah jelas bahawa ia dibawa oleh suada gar yang juga selaku mubaligh Islam Arab yang berasal dari negeri China. Mereka ini telah membuat hubungan perdagangan secara langsung

⁴⁵ Da. Wan Hussin Azmi, op.cit., hal. 26

⁴⁶ Khoo Kay Kim, op.cit., hal. 16-30

dengan negeri Terengganu. Terengganu sendiri sejak kurun masihi yang pertama dulu telahpun mempunyai tempat-tempat yang dikenali sebagai tempat kediaman dan pusat perdagangan laut.⁴⁷

Perisytiharan Batu Bersurat yang bertarikh 1303 adalah merupakan perasmian sebenar pemerintah pada masa itu telah menerima Islam sebagai agama resmi. Perisytiharan itu menunjukkan bahawa Islam telah bertapak lama di Terengganu, khususnya di Kuala Berang merupakan sebuah pusat pemerintahan Islam yang kemas kerana soal-soal yang diperisytiharkan itu merupakan satu tingkatan yang tinggi dalam bidang pelaksanaan hukum Islam. Walaupun bagi Sheppard Batu itu tidak banyak membantu persejarahan kerajaan Terengganu dan pemerintahnya,⁴⁸ namun bagi Dr. Wan Hussin Azmi dari segi perkembangan Islam, Batu itu memberi kepada kita banyak pengertian antaranya:

- 1) Di permulaan abad ke-XIIIM, Terengganu adalah sebuah Kerajaan Islam yang merdeka.
- 2) Pemerintah kerajaan ini ialah anak negeri (bukan Arab/Parsi).
- 3) Hukum Syara' dipraktik dengan sepenuhnya di Terengganu.
- 4) Terengganu mempunyai ulama yang cukup untuk menjalankan hukum Syara'

⁴⁷ Buyung Adil, Haji, Sejarah Terengganu, DBP., Kementerian Pelajaran Malaysia, K.Lumpur, 1974, hal.6

⁴⁸ M.C.ff. Sheppard M.B.E., E.D:Earl, History & Telanai Tradition JMBRAS, Vol. XXII, Part 3, June 1949, hal.3

5) Terengganu yakin ia mempunyai kekuatan tentera yang kuat untuk menghadapi cabaran dari kerajaan Hindu/Budha yang masih kuat di Gugusan Pulau-pulau Melayu.

6) Tahun Raja Muslim Terengganu mula memerintah ialah tahun 702H (1302M) bersamaan tahun Saratan.⁴⁹

2.2.3 Perkembangan Islam di Terengganu

Penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang yang bertarikh 1303M/702H membuktikan Terengganu lebih awal menerima Islam dari Melaka lebih dari seratus tahun dan diperintah oleh Raja Mandalika berdasarkan undang Islam di abad ke-14M. Ini berdasarkan isi kandungannya adalah merupakan proklamasi undang-undang Islam yang ditujukan kepada penguasa dan rakyat Terengganu. Dengan proklamasi ini maka Terengganu secara resminya menjadi negeri Islam yang pertama di rantau ini pada abad ke-14 Masihi yang lalu. Perkataan Mandalika menunjukkan terdapat seorang pemerintah takluknya seluruh negeri Terengganu yang bergelar Seri Paduka Tuan. Walaupun ahli-ahli sejarah belum lagi menentukan siapakah gerangnya pemerintah itu, namun demikian ianya menunjukkan tentang wujudnya negara Islam berdasarkan ajaran Islam dan perundangan Islam. Seterusnya menunjukkan bahawa tiap-tiap daerahnya mempunyai pemerintah daerahnya mempunyai pemerintah daerah atau ketua jajahan, kerana per-

⁴⁹ Prof. Madya Dato' Dr. Wan Hussin Azmi, Islam di Terengganu Ketibaan dan Perkembangan Hingga Abad ke-XIII M, Pesaka IV, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Cetakan Pertama, 1987, hal. 18-19.

kataan Mandalika dalam bahasa Sanskrit bererti " berkaitan dengan suatu pemerintahan sama ada raja-raja tempatan yang merdeka ataupun ketua daerah.⁵⁰

Seri Paduka Tuan Raja Mandalika mengikut S.Q.Fatimi amat kuat semangatnya memperkenalkan dan berusaha mengembangkan kepercayaan barunya, iaitu agama Islam. Batu Bersuratnya mencatatkan hukuman keras akan dikenakan ke atas sesiapa yang berani menceroboh undang-undang Syara'.⁵¹ Pegangan dan keimanan Raja Mandalika yang amat kuat kepada aqidah Islam itu menjadikannya tidak bertolak ansur dengan musuh Islam. Walaupun kuatnya maka akhirnya ia diserang oleh Raja Majapahit, Hayam Wuruk (1350-1389) dan dapat menguasai bukan sahaja Terengganu, malah Semenanjung Tanah Melayu seluruhnya di tahun 1365 Masihi.⁵² Sungguhpun kerajaan Islam Benua Terengganu dikuasai oleh Majapahit tahun 1365M tetapi perkembangan agama Islam tidaklah dihalang.⁵³

Walaupun Terengganu telah mengisytiharkan sebagai kerajaan Islam tetapi tidak berhasil mengembangkan sinarnya yang luas dan berkesan kerana persaingan dari daerah Islam yang lain, yang segera muncul kemudian seperti kemunculan kerajaan Islam Melayu Melaka dengan kekuatan-kekuatan

⁵⁰C.O.Blagden, A Note On The Terengganu Inscription, JMBRAS, Vol.II, Printed at The Methodist Publishing House, 1924, hal.262.

⁵¹S.Q.Fatimi, op.cit., Catatan dari Blagden JMBRAS, op.cit., hal.262.

⁵²B.Harrison, Asia Tenggara-Bahasa Arab, hal.74.

⁵³Dr.Wan Hussin Azmi, op.cit., hal.52.

yang lebih besar dan berpengaruh.⁵⁴ Sekalipun Terengganu menjadi sebahagian daripada kesultanan Melaka mulai zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah 1390-1414, tetapi Terengganu didapati tidak dapat meluaskan pengaruh keislamannya ke tempat lain. Walau bagaimanapun peranan ini diambil-alih oleh Melaka di akhir abad ke-14 dan abad ke-15. Kemungkinan yang menyebabkan Terengganu tidak berkembang pengaruh keislaman dan juga dakwahnya ke tempat lain ialah berkait rapat dengan faktor semulajadi alam yang mana pusat pemerintahan Terengganu pada masa itu letaknya 25 batu jauh ke hulu dan juga tidak banyak hasil-hasil perdagangan yang boleh menjadi faktor-faktor penggalak perhubungan perdagangan dengan daerah dan negeri-negeri luar.

Kejatuhan kerajaan Islam Melaka ke tangan Portugis pada 24 Ogos 1511 tidaklah melemahkan perkembangan dan kewujudan Islam di Terengganu dan juga di lain-lain daerah Islam di gugusan pulau-pulau Melayu sebagaimana yang diharapkan oleh paglima Portugis Alfonsod'Alburquerque, malah sebaliknya menambah kuat semangat agama dan kegiatan dakwah Islam di rantau ini, kerana kejatuhan Melaka ke tangan Portugis itu melahirkan gelombang perpindahan alim ulama dari Melaka ke seluruh Nusantara dan berkata Dr.Caesar Adib Moghol;Kejatuhan Melaka bolehlah dibandingkan dengan kejatuhan Bagdad, kedua-duanya itu menghidupkan kegiatan Islam dan membangunkan di dalam bentuk fikiran dan sanubari masyarakat

⁵⁴Hamdan Hassan, *op.cit.*, hal.22

tempatan menyertai penduduk-penduduk muslimin asing dan berkerjasama rapat menyebarkan dakwah Islamiah dan dengan berlalu masa semakin ke-
kurang pendakwah-pendakwah asing dan tempat mereka itu diganti oleh
pendakwah tempatan.⁵⁵ Corak kehidupan sosial budaya rakyat Terengganu
mula berubah dengan cara hidup Islam dalam semua aspek kehidupan, ber-
mula dari soal ibadat, muamalat hingga kepada pelaksanaan undang-un-
dang Islam dalam pentadbiran.

Perkembangan agama Islam terus berkembang, malah pelaksanaan
pemerintahan secara Islam diikuti dan diwarisi dari satu pemerintah ke
kepada satu pemerintah di Terengganu hingga hari ini. Hal ini adalah
jelas untuk dibuktikan bagaimana Sultan Zainal Abidin I dikatakan te-
lah melantik seorang tokoh agama yang terkenal iaitu Sheikh Abdul Malik
bin Abdullah sebagai penasihat baginda. Beliau berketurunan Arab Had-
ralmaut dan keturunan Arab ini juga memainkan peranan penting dalam
pentadbiran dan perkembangan Islam seterusnya. Pelaksanaan pemerin-
tahan di sepanjang perjalanan perkembangan Islam di Terengganu sebenar-
nya turut mendapat sokongan golongan pemerintah seperti di zaman Sultan
Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III yang masing-masing memberi
perhatian kepada perkembangan Islam dengan mencintai ilmu Islam dan
ulama-ulama yang lahir di zaman masing-masing.

Dalam abad ke-XIX Hasihi/XIII Hijrah Terengganu diperintah oleh

⁵⁵ Dr. Wan Hussin Azmi, op.cit., hal. 57

16 orang sultan dari dinasti Sultan Zainal Abidin I, dari keturunan inilah negeri Terengganu terkenal dengan ketokohan ulama-ulamanya dan pengajian Islamnya, terutama di zaman Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III.

Pada zaman Terengganu diperintah oleh Sultan Zainal Abidin III (1881-1981) perkembangan Islam dapat dilihat dari pengamalan undang-undang Islam yang dijadikan sebagai undang-undang negeri. Baginda telah membuat beberapa pembaharuan di dalam pentadbiran undang-undang dan menyusun kedudukan mahkamah, mengubal undang-undang dan perlembagaan Negeri Terengganu. Sebagai seorang Sultan yang alim, baginda telah berjaya memerintah kerajaan Islam Terengganu sebagai sebuah kerajaan Islam yang merdeka. Maxwell pernah mengakui kenyataan ini:

" a self governing Malay Muhammadan State."⁵⁶

Di zaman pemerintahan baginda ulama-ulama Islam telah memainkan peranan penting dalam mencorakkan pemerintahan negeri Terengganu yang berdasarkan undang-undang Islam seperti Habib Omar al-Atass, Haji Wan Abdullah (Tok Syeikh Duyung), Sayed Abd.Rahman bin Sayed Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh), Haji Wan Muhammad bin Abdullah, Sayed Abdullah bin bin Muhammad, Haji Zainal Kampung Banggol, Haji Wan Mohammad bin

⁵⁶ Maxwell W.G dan Gibson W.S., Treaties and Engangment Affecting The Malay State and Borneo, London, 1924, hal.113.

Ali Kampung Bedung, Haji Wan Abdul Latiff Losong dan lain-lain lagi.⁵⁷

Kedudukan alim-ulama sangat dihormati oleh segenap lapisan masyarakat yang kuat beragama. Hugh Clifford pernah mengakui hakikat ini dengan menggambarkan keadaan di Terengganu ketika itu yang terdapat ramai alim-ulama dan segala teriak-tangis tenggelam dalam bunyian orang bersembahyang dan berzikir.⁵⁸ Abdullah Munshi ketika melawat Terengganu dalam tahun 1836 iaitu ketika Terengganu di bawah perintah Sultan Muhammad Syah berkata;

"Shahdan dalam negeri Terengganu tiada tempat orang mempelajari bahasa Melayu melainkan ada enam tujuh anak-anak dalam satu rumah mengaji Quran saja...maka sebab itu kebanyakan terpuji Quran Terengganu itu dalam negeri-negeri lain, shahdan di atas mereka itu adalah dua bahagian yang tiada tahu mengaji dan sebahagian yang lain tahu dan empat bahagian yang tiada tahu membaca surat Melayu dan sebahagian yang tahu..."⁵⁹

Dalam pengendalian pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, bazinda telah melantik Sayed Abd. Rahman (Tuk Ku Sayed Paloh) sebagai penasihat di samping Majlis Mesyuarat Kerajaan yang kebanyakannya adalah dari ulama-ulama dan mereka yang tahu tentang agama memberi nasihat kepada sultan dalam pemerintahan dan meluluskan undang-undang.

⁵⁷ Lihat Haji Sallehbin Haji Awang, Terengganu Dari Bentuk Sejarah, hal.91.

⁵⁸ Hugh Clifford, op.cit., hal.99.

⁵⁹ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Kesah Pelayaran Abdullah, Singapura: Malaysia Publications Limited, n.d, hal.22-23

Walaupun tidak ada teks undang-undang Islam bertulis yang khas selain daripada undang-undang mahkamah dan perlembagaan Terengganu 1911 tetapi adalah dipercayai bahawa kitab-kitab fiqh dan perundangan Islam seperti Kitab Minhaj al-Talibin, Mughial-Muhtaj, al-Nihayah dan al-Umm kesemuanya dalam mazhab Shafie dijadikan sebagai teks undang-undang di samping fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mufti.⁶⁰ Lantaran itu pelaksanaan undang-undang Islam berjalan dengan baik dan berkesan. Hasilnya jarang sekali kedapatan berlakunya jenayah semasa itu terutama di zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.

2.3 KELAHIRAN TOKOH-TOKOH ULAMA DI TERENGGANU

2.3.1 Definisi Ulama dan Birokrasi

Mengikut Kamus Dewan perkataan Ulama sebagai "orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan Agama Islam"⁶¹ sementara dalam kamus Al-Marbawi memberi erti sebagai "yang mengetahui" dan "Pendita yang Alim".⁶² Perkataan Ulama adalah jama' (plural) dan mufradnya 'Aalim' (عَالِمٌ) adalah isim fa'il dari kata kerja (Fi'il) 'Alima' (عَلِمَ) yang bererti "ia telah mengerti" atau "ia telah mengetahui."⁶³

⁶⁰ Abu Bakar Abdullah, Kearah Pelaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia : Masalah dan Penyelesaiannya, Pustaka Damai, Kuala Terengganu, 1985, hal.72.

⁶¹ Kamus Dewab Edisi Baru, DBP., Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hal.1427.

⁶² Kamus Idris Al-Marbawi, Pustaka Nasional, Singapura, hal.40.

⁶³ Umar Haysin, Mencari Ulama Pewaris Nabi, Bina Ilmu, Surabaya, hal.14.

Alim-ulama diertikan untuk orang yang ahli tentang agama Islam, iaitu orang yang mendalam ilmunya dan pengetahuannya tentang agama Islam seperti Ilmu Tafsir, Ilmu Hadith, Ilmu Focah, Ilmu Kalam, Bahasa Arab (Ilmu Sharaf, Mahu, Ma'ani, Bayan, Badi', Balaghah dan sebagainya)⁶⁴ Menurut H. Rosihan Anwar yang dinamakan Ulama adalah orang yang berpengetahuan dalam soal agama yang antara lain ahli dalam hukum Syariah, Fiqah atau faham Tasawuf, tergantung dari bidang spesialisasi yang di sukainya atau yang dipilihnya.⁶⁵

Dalam rumusan perbincangan Ijtima' Ulama Se Malaysia yang diadakan pada 29hb. Oktober, hingga 1hb. November, 1982 di Kota Bharu, Kelantan dan di Kuala Terengganu pada 9hb. November, 1983 telah memberi ta'arif ulama sebagai ahli ilmu pengetahuan yang mempunyai ciri-ciri yang berikut:⁶⁶

- 1) Berkebolehan dalam bidang agama Islam.
- 2) Dapat memahami Kitab Agama yang muktabar.
- 3) Dapat mengajar dengan kaedah yang sesuai.
- 4) Beramal dengan ilmunya dengan penuh taqwa dan iman.

⁶⁴ Ibid., Hal.15.

⁶⁵ Ibid..

⁶⁶ Buku Cenderamata Ijtima' Ulama Se Malaysia Kali ke Enam, Anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Pusat Islam Malaysia, K.Lumpur, Pada 23 Rabiul-Awal 1410 bersamaan 23hb. Oktober, 1989, hal.11 dan 14.

Perkataan "birokrasi" pula bererti; 1. sistem pemerintahan atau pentadbiran yang dikendali atau dijalankan oleh pegawai-pegawai kerajaan (yang tidak dipilih oleh rakyat); 2. cara pemerintahan atau pentadbiran dengan pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai kuasa yang besar; 3. cara pentadbiran yang melibatkan berbagai-bagai peringkat atau proses pengurusan dan banyak peraturan.⁶⁷ Birokrasi bolehlah disamakan dengan kerajaan dan pegawai-pegawai atasan yang mempunyai kuasa dalam pejabat dan orang-orang bawahan ini selalu digunakan sebagai suatu teori.

2.3.2 Kemunculan Ulama di Terengganu

Tokoh ulama yang pertama dikatakan pernah datang ke Terengganu ialah Sharif Muhammad bin Abdullah di Kuala Berang, iaitu **pusat perkembangan** agama Islam di Terengganu dan tempat tumpuan ulama-ulama luar di abad ke-17 Masihi. Beliau adalah seorang pembesar dari Baghdad.⁶⁸ Kehadiran beliau **telah** melahirkan asas **pengajian** agama Islam di Terengganu. Beliau telah memperkenalkan ilmu-ilmu Islam seperti Fekah, Tasawuf,

⁶⁷ Kejatuhan Kota Bagdad ke tangan Hulagu pada tahun 1258 menyebabkan lahirnya pergolakan dan perebutan kuasa. Akibat pergolakan ini ramai golongan intelektual Islam melarikan diri ke tempat yang biasa disinggah oleh pedagang-pedagang Islam. Sharif Muhammad kemungkinan adalah seorang dari kalangan mereka - lihat Encyclopedia of Islam, Vol. A-B, hal. 1129.

⁶⁸ Dalam konteks pengislaman negeri Terengganu sejak dari mulanya berkait rapat dengan kepulauan Sumatera - Pasai dari segi perkembangan agama Islam dan bahasa Melayu. Keadaan ini terus bertalian hingga ke zaman Sheikh Abdul Malik. Aceh ketika itu telah mencapai tingkat kemajuan perkembangan intelektualnya. Peranan kemajuan tersebut telah meluas ke Alam Melayu, antaranya samapi ke Terengganu dan Sheikh Abdul Malik adalah salah seorang yang sempat dirakamkan oleh sejarah tentang peranan beliau dalam penyebaran ide intelektual Islam.

Kedatangan ulama ke Terengganu dikatakan akibat dari penghijrahan beberapa orang ulama dari Pattani pada bahagian kedua abad ke-19. Hal ini berikutan dengan kedatangan beberapa orang ulama yang melarikan diri dari Pattani akibat dari jatuhnya Pattani di bawah pemerintahan Siam pada tahun 1832. Antara mereka yang datang ke Terengganu ialah Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fattani dan keluarganya,⁷⁰ keluarga Haji Wan Abdullah bin Mohd.Amin yang terkenal dengan panggilan " Tuk Syeikh Duyung ", keluarga Syeikh Abdul Kadir dan keluarga Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus (1795-1879). Masing-masing bertempat di Pulau Duyung. Syeikh Abdul Kadir membuka pusat pengajian di Bukit Bayas, Kuala Terengganu dan pusat ini kemudiannya berkembang dengan kehadiran Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin menyebarkan ilmu agama di sana.⁷¹

Seorang pengarang Inggeris pernah membayangkan keadaan Negeri Terengganu di masa Sultan Zainal Abidin I dengan menyatakan, ...bahawa negeri ini penuh dengan orang alim dan segala teriak tangis terhapus atau tenggelam dalam bunyi suara orang sembahyang dan berzikir.⁷² Gambaran yang diberikan itu jelas membuktikan bahawa masyarakat Terengganu

⁷⁰ Beliau hidup akhir abad ke-18 Masihi dan meninggal pertengahan abad ke-19 Masihi di Taif. Selepas melarikan diri di Terengganu beliau menetap di Mekah. Syeikh Daud merupakan Ulama Melayu-Pattani yang terkenal di Alam Melayu. Beliau mengarang kitab-kitab Jawi dalam bidang Fiqh, Usuluddin, Tasawuf dan lain-lain lagi yang jumlahnya lebih dari 20 buah.

⁷¹ Shafie Abu Bakar, Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian di Terengganu, Pešaka II, Kuala Terengganu, Muzium Negeri Terengganu, Cetakan Pertama, 1984, hal.12.

⁷² Dato' Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang, op.cit., hal.12.

begitu berpegang kuat kepada Islam dan ramai ulama-ulama di Terengganu ketika itu yang begitu berperanan dalam masyarakat Terengganu. Satu hal yang tidak dapat dinafikan bahawa kemunculan ulama-ulama di Terengganu dan kedudukan mereka teguh adalah kerana sikap pemetintah yang begitu mengambil berat dan memberi keistimewaan kepada mereka dan Islam khususnya.

Dalam konteks masyarakat Terengganu para ulama memainkan peranan yang amat penting dalam menyelesaikan soal-soal kehidupan beragama. Kedudukan ulama adalah kehadapan dan dihormati kerana golongan ulama merupakan orang harapan dan pemimpin tempat menyelesaikan segala masalah kehidupan yang mereka hadapi. Masyarakat sentiasa meminta buah fikiran dan pandangan bukan sahaja soal kehidupan di dunia tetapi juga kehidupan hal-hal keakhiratan. Sir Hugh Clifford dalam tulisannya mengakui bahawa masyarakat Melayu Terengganu begitu kuat pegangan agamanya dan masyarakat Melayu negeri-negeri lain.⁷³

2.3.3 Asal-usul Ulama Terengganu

Kalau diteliti sejarah kedatangan ulama di Terengganu bolehlah dibahagikan kepada tiga punca kedatangan mereka iaitu:-

- 1) Ulama yang berasal dari Hadramaut/
- 2) Ulama yang berasal dari Baghdad •
- 3) Ulama yang berasal dari Pattani.⁷⁴

⁷³ Hugh Clifford, op.cit., hal.99.

⁷⁴ Wawancara dengan Dato' Haji Salleh bin Haji Awang, pada 17hb. November, 1989, di Kampung Senada, Kuala Terengganu.

Keturunan ulama Hadhratulmaut seperti yang dinyatakan oleh Dato' Haji Mohammad Salleh adalah dopelopori oleh Syed Zainal Abidin. Dari keturunan beliau Terengganu kemudiannya terkenal dengan kemunculan anak-cucu beliau seperti Syed Muhammad bin Mustaffa al-Idrus (Tuk Ku Tuan Besar), Syed Zain, Syed Abdullah Syed Mustaffa dan Syed Abdul Rahman (Tuk Ku Paloh). Ulama yang berketurunan dari Hadhratulmaut yang dipelopori oleh Syed Muhammad bin Mustaffa al-Idrus kebanyakannya telah menumpukan tempat pengajian mereka di Cabang Tiga dan di Kampung Paloh, Kuala Terengganu. Ulama yang terkenal dari keturunan ini seperti Syed Muhammad⁷⁵, Syed Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus,⁷⁶

⁷⁵ Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus atau lebih dikenali sebagai Tuk Ku Tuan Besar atau Tuk Ku Hadis merupakan murid kepada Syekh Abdul Kadir Bukit Bayas yang kemudiannya menuntut di Mekah. Cabang Tiga telah dipilih sebagai tempat pengajian beliau. Beliau banyak mengarang dan menterjemah kitab-kitab agama antaranya Kanzul al-Ula, Jauharus Sa-niah, Uqud Durrataini Fi Terjamati Kalimatais Syahadataini dikenali sebagai "Syahadat Tuk KU", Tuhfatul Wildan, Mukhtasar, Siratun Nabawiah, Sullamaut Taufik, Targhibus Sibyan dan lain-lain lagi. (dipetik dari Kertas Kerja Haji Mohd. Salleh Haji Awang, per kembangan Penulisan Kreatif Sastera di K. Terengganu Sebelum dan Sesudah Perang Dunia I, Sempena Sambutan 10 Tahun PELITA, Pada Mei 1975.

⁷⁶ Beliau adalah anak kepada Syed Mohd. bin Zainal Abidin, mendapat didikan awal dari ayahnya kemudian menuntut di Mekah. Sebelum itu beliau telah belajar di Kelantan. Beliau juga belajar dengan Haji Wan Abdullah Haji Wan Mohammad Amin. Di Mekah beliau menuntut dengan Sayyid Ahmad Dahlan dan Sayyid Abdullah serta Sayyid Abdullah Ali al-Zanawi. Sekembali dari Mekah beliau telah mendirikan institusi pengajiannya di Kg. Paloh. Institusi pengajiannya telah didatangi lebih dari dua ratus orang dari kalangan rakyat Terengganu, Kelantan, Pahang dan Pattani, beliau adalah pakar dalam ilmu Tasawuf. Di kalangan masyarakat Terengganu beliau lebih dikenali sebagai Tuk KU Paloh.

Sayyid Mustaffa bin Mohammad al-Idrus,⁷⁷ Sayyid Abu Bakar Mohammad al-Idrus,⁷⁸ dan Sayyid Ahmad bin Mohammad al-Idrus.⁷⁹ Diantara ulama keturunan Hadhramaut yang lebih dikenali ialah Sayyid Abdul Rahman bin Mohammad al-Idrus. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Tuk Ku Paloh kerana beliau merupakan orang penting dan penasihat kanan Sultan Zainal Abidin III.

Ulama berketurunan dari Baghdad ini dipelopori oleh Syarif Mohammad bin Abdullah yang telah datang ke Terengganu dalam abad ke-16. Beliau berasal dari Baghdad. Di Terengganu beliau menetap di Kampung Batu Belah di Hulu Terengganu dan di sini beliau memubuhkan institusi pengajiannya. Beliau mengajar ilmu Kalam, Tasawuf, Feqah dan sebagainya. Usaha pengembangan pengajiannya telah diteruskan oleh keturunan beliau. Keturunan beliau seterusnya telah memainkan peranan penting dalam penyampaian pengajaran agama Islam di Terengganu. Antarayang terkenal

⁷⁷ Beliau adalah anak kepada Sayyid Mohammad bin Zainal Abidin al-Idrus dan lebih dikenali sebagai Tuk Ku Tuan Dalam, mendapat didikan awal dari ayahnya dan di Mekah. Beliau terkenal di bidang Tauhid.

⁷⁸ Beliau mengajar di Kampung Cabang Tiga, merupakan adik-beradik kepada Sayyid Mustaffa dan Tok Ku Paloh. Ilmu yang diajarnya seperti Tafsir, Nahu Sharaf, Feqah, Tasawuf. Beliau dikenali sebagai Tuan Embong Saloh. (lihat Wan Bakar Wan Dagang, op.cit.)

⁷⁹ Beliau adalah anak kepada Sayyid Mohammad al-Idrus. Beliau mengajar agama secara surau di Cabang Tiga dan mendapat didikan awal dari ayahnya dan beliau juga menuntut di Mekah. Antara ilmu yang diajarnya Tafsir, hadith, Nahu-Sharaf dan Tasawuf. (lihat Wan Bakar Wan Dagang, Ibid.)

ialah Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (1650-1730) dan Haji Ahmad bin Abdul Malik.⁸⁰ Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis) adalah cicit kepada Syarif Mohammad. Beliau adalah tokoh ulama sezaman di masa keagungan Kerajaan Melayu-Pattani. Beliau mendapat didikan di Aceh dan di Mekah. Beliau merupakan orang yang mula-mula sekali memperkenalkan pengajian pondok di Terengganu. Beliau ahli dalam ilmu Fiqh, Tafsir, Usuluddin, Tasawuf, Nahu Saraf. Beliau juga mengarang kitab-kitab, antaranya Adabul Mu'dim fil'amali ul-Mukminin, Usul Fiqh, Tafsir al-Quran, Kitab Kifayah, Risalah Nihayah dan Nuqil.⁸¹ Beliau juga menterjemah kitab Hikam Atau Assakandari dan ianya tersebar luas bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi juga di Tanah Suci Mekah dan Mesir dalam tahun 1911.⁸²

Pelopor ulama dari Pattani pula ialah Tuk Syeikh Kadir.⁸³ Beliau berasal dari Pattani. Sebelum beliau tiba di Terengganu beliau telah singgah di Kelantan. Di Terengganu beliau telah menetap di Bukit Bayas. Beliau

⁸⁰ Beliau adalah cicit kepada Syeikh Abdul Malik. Mula mendapat didikan asas dari bapanya kemudian belajar di Mekah. Beliau telah membuka tempat pengajiannya di Kampung Sungai Rengas sebaya pondok. Masyarakat lebih mengenali beliau sebagai "Tok Wali".

⁸¹ Misbaha, Perkembangan Penulisan dan Pengarang-pengarang Terengganu sebelum Perang Dunia Kedua, Pesaka, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, hal.87.

⁸² Ibid.

⁸³ Ibid.

mahir dalam perungangan Islam, Usuluddin, Tasawuf, Tafsir, Hadith dan Sejarah Islam. Beliau juga mengajar di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu dan beberapa buah kampung lagi.⁸⁴ Peranan ulama keturunan Pattai ini diteruskan oleh Haji Wan Abdullah bin Haji wan Mohammad Amin atau "Tok Syeikh Duyung", Haji Muhammad bin Bin Abdul Malik, Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah dan beberapa orang lagi.

Haji Wan Abdullah dan bapa saudara sepupunya Syeikh Abdul Kadir memainkan peranan penting dalam pendidikan agama Islam di pertengahan abad ke-19, iaitu di zaman pemerintahan Sultan Baginda Omar (1838-1876).⁸⁵ Baginda Omar telah melantik Wan Abdullah sebagai Mufti dan selepas beliau meninggal dunia jawatan mufti telah bertukar kepada anaknya Haji Wan Muhammad bin Abdullah.⁸⁵

Dari apa yang dapat dilihat dari perkembangan ulama di Terengganu, nampaknya mereka merupakan di antara yang telah mencorakkan bentuk pemerintahan negeri Terengganu kepada pemerintahan dan pentadbiran berasaskan keislaman dan juga mencorakkan sosio-budaya masyarakat Terengganu. Mereka bukan sahaja sebagai seorang tokoh agama yang terlibat dalam pendidikan Islam tetapi juga didalam birokrasi kerajaan negeri Terengganu kerana keistimewaan dan karismatik mereka yang tidak dapat dinafikan.

⁸⁴ Wawancara dengan Dato' Perba Diraja Haji Wan Abd.Rahman Long, Pasir Panjang Kuala Terengganu, Pada 22hb.November, 1989, hal. 1

⁸⁵ Shahril Talib Robert, "The Terengganu Ruling Class In The Late Nineteenth Century", JMBRAS, Vol.50, pt.2.1977, hal.39.

2.3.4 Kedudukan Ulama dalam Birokrasi Negeri Terengganu

Kelahiran ulama-ulama di Terengganu bukan sahaja berperanan sebagai penggerak ke arah proses Islamisasi dalam masyarakat tetapi juga berperanan sebagai birokrat di dalam pentadbiran negeri Terengganu. Seperti ulama-ulama di tempat lain peranan golongan ulama adalah sebagai suatu pimpinan "charismatic" dan "intellectual" yang menyumbangkan kepada kegelisahan sosial.⁸⁶

Menurut suatu kajian yang terbaru mengenai masyarakat negeri-negeri Terengganu sebahagian golongan ulama di Terengganu dapat dikategorikan kedalam kelas pemerintahan yang ketiga di bawah Kerabat Diraja Ikrab dan Kerabat Diraja Am.⁸⁷ Namun begitu tidaklah dapat dianggap bahawa kesemua tokoh ulama terlibat dalam tanggungjawab dalam tugas pentadbiran. Hanya tokoh-tokoh ulama keturunan Arab, terkemuka dan berkebolehan telah diserapkan ke dalam pentadbiran kerajaan. Walau bagaimanapun negeri Terengganu adalah negeri yang berkecenderungan menerima mereka sebagai suatu kelas kecil pemerintahan yang jelas.⁸⁸

⁸⁶ Istilah "kegelisahan sosial" merujuk khusus kepada ciri-ciri kegelisahan tani yang disertai "kegelisahan keagamaan". Kegelisahan juga membawa erti bahawa tindakan-tindakan sosial yang ketara dalam masyarakat adalah tidak berencana dan tidak teratur. Namun begitu keadaan kegelisahan sosial ini boleh menjadi tapak semai dan landasan gerakan pemulihan keagamaan yang merupakan salah satu arus besar perubahan sosial-(lihat Rahmat b. Saripan, Kegelisahan Sosial Pada Tahun-tahun 1920-an Di Terengganu, Pesaka II, Muzium Negeri Terengganu, hal. 2.

⁸⁷ Shahril Talib Robert, op.cit., hal. 37-41.

⁸⁸ Rahmat Saripan, op.cit., hal. 5.

Ulama-ulama ini boleh dikenalpasti sebagai satu element yang tersendiri di dalam kelas-kelas pemerintahan di Terengganu. Mereka mempunyai kuasa kolektif terutamanya dalam mempengaruhi soal perantaraan atau pengantian sultan yang baru. Peranan mereka dalam sistem politik bukan sahaja terbatas sebagai seorang guru agama, tetapi mereka juga menjadi penasihat Sultan. Mereka juga adalah menteri-menteri, ahli Majlis Negeri dan sebagai wakil atau ketua-ketua daerah yang di lantik oleh Sultan. Mereka juga terlibat sama dalam badan politik Terengganu dan dalam masa yang sama memainkan peranan penting dari satu sudut tentang hubungan antara Terengganu - Inggeris (British).

Pemerintah begitu mengambil berat dengan menggalakkan pendidikan agama di Terengganu. Ulama-ulama diberikan tanah wakaf dalam usaha membantu perkembangan pendidikan agama di Terengganu bagi menyediakan kemudahan bertanam untuk keperluan pelajar-pelajar semasa belajar dan sebagai penggalak kepada ulama-ulama bergiat dalam pendidikan.

Dalam satu masa pemerintah melahirkan pernyataan yang simbolik terhadap Islam dan negara (pemerintah), di mana Sultan Zainal Abidin III telah memberi penghormatan pengkebumian kepada pemimpin ulama Pulau Duyung Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah (anakanda Tuk Syeikh Duyung). Baginda mengarahkan supaya mayat ulama itu dibawa dari Duyung ke Istana agar semua dapat memberi penghormatan terakhir.⁸⁹

⁸⁹ Lihat Shahril Talib, *After It's Own Image Trengganu Experience 1881-1941*, Singapore Oxford University Press, Oxford New York, 1984, hal.26.

Sebagai sebuah negeri Islam yang telah beratus-ratus tahun penduduknya menganut agama Islam sudah tentu urusan pentadbiran agama ditalankan oleh mereka-mereka yang bertanggungjawab ditugaskan oleh Maliyul Amir dari masa kesemasa sama ada urusan secara pejabat atau tidak akan ditentukan pegawainya secara langsung atau tidak sekdrang-brangnya telah ada orangnya yang mengambil peranan jawatan al-Mufti dan Kadhi yang sangat penting bagi menerangkan hukum agama kepada rakyat jelata.

Semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin I (1726-1733), baginda telah melantik Syeikh Abdul Malik menjadi pembesar negeri dan sebagai penasihat kanan baginda.⁹⁰ Pemerintahan baginda adalah berdasarkan Islam dengan melantik beberapa orang besar dan pegawai terdiri daripada ulama bagi menjawat jawatan Menteri, Hakim, Kadi, Mufti dan panglima.⁹¹ Baginda Sultan Zainal Abidin I ada melantik seorang ahli agama bernama Wan Iman bin Mahmud, seorang murid Syeikh Abdul Malik (Tok Pulau Manis) anak Tok Faqih Wan Hassan bin Tok Faqih Wan Ali (yang datang dari Pattani kira-kira dalam tahun 1633) menjadi Kadi di Terengganu. Inilah catatan paling awal dapat dijumpai mengenai perlatikan jawatan tersebut dan Mufti negeri Terengganu yang paling awal dapat diketahui Tuan Syeikh Abdul Kadir bin Abd. Rahim Bukit Bayas.⁹²

⁹⁰ Wan Bakar Wan Dagang, op.cit., hal.27.

⁹¹ Wawancara dengan Dato' Perba dan Dato' Haji Salleh Hj. Awang. Op.cit.

⁹² Beliau berasal dari Pattani dan datang ke Terengganu kira-kira tahun 1852. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1864 dan dimakamkan di Peruburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu. (Lihat Dato' Setia Jasa, Benintas lalu Catatan Sejarah Jabatan Mal-Ehwal Agama Terengganu Darul-Iman, Pesaka V, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1969, hal.131.

Semasa Terengganu di bawah pemerintahan Sultan Baginda Omar (1830-1876.) keluarga ulama dari Pattani memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Terengganu. Keluarga ulama ini diasaskan oleh Syeikh Abdullah bin Mohd. Amin (1888M) terkenal dengan gelaran "Tok Syeikh Duyung". Syeikh Abdullah dan bapa saudara ~~sepunya~~ Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas memainkan peranan penting dalam pentadbiran agama di pertengahan abad ke-19, iaitu di zaman pemerintahan baginda Omar dengan melantik Syeikh Abdullah sebagai Mufti. Selepas Syeikh Abdullah meninggal dunia anaknya Haji Wan Mohammad mengambil alih jawatan Mufti.⁹³

Engku Tuan Besar (Sayyid Muhammad) merupakan tokoh daripada keluarga ketiga (selepas keluarga Arab Syeikh Abdul Malik dan Tuk Syeikh Duyung) memainkan peranan utama dalam kegiatan keagamaan sejak abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Pusat pengajaran Sayyid Muhammad tidak berbentuk pondok seperti cara Syeikh Abdul Malik dan Sayyid Abdullah, tetapi adalah di Surau Cabang Tiga. Pelajaran agama awalan didapati daripada Syeikh Abdul Kadir dan kemudian Sayyid Muhammad melanjutkan pelajarannya di Mekah. Tokoh ini dikatakan banyak mengarang kitab-kitab Agama (Tasawuf). Antaranya berjudul Kanzul Ula, Jawharul'l Samiyah (Syair), Tuhfatu'l Wildan, Mukhtasar, Sullamu't-Tawfiq, Taghribu Subagan, Siratu'n-Nabawiyah dan Durratu'l-Fitrah.⁹⁴ Beliau dilantik sebagai seorang

⁹³ Shahril Talib Robert, op.cit., hal.39.

⁹⁴ Shafie Abu Bakar, Institusi Syeikh 'Abdul Malik bin Abdullah Satu Corak Pengajian Tradisi Di Terengganu dan Kitab-kitab Padanya, Tesis Sarjana Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia, K.Lumpur, 1976-77, hal.188.

menteri bergelar Paduka Raja Indera.⁹⁵ Sayyid Muhammad mempunyai seorang anak yang berperanan lebih besar dalam kegiatan keagamaan di akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, iaitu Sayyid Abdul Rahman.⁹⁶ Keturunan Sayyid Al-Idrus yang telah menjawat jawatan yang penting di dalam pemerintahan di Terengganu, antaranya Sayyid Muhammad Zainal Abidin (Sayyid Zain) yang menjawat jawatan Perdana Menteri bergelar Engku Sayyid Seri Perdana di zaman pemerintahan Sultan Omar.⁹⁷ Keturunan beliau sekarang ialah Engku Alwi bin Haji Ambak Al-Idrus yang kini menjawat jawatan Mufti Terengganu sejak 1988 hingga sekarang.

Semasa pemerintahan Sultan Omar atau lebih dikenali "Marhum Baginda corak pentadbiran baginda sudah kemas dengan adanya peraturan dan undang-undang bagi seluruh Terengganu. Terengganu telah dibahagikan kepada beberapa daerah dan kampung. Baginda dikatakan mula melahirkan sistem ketua kampung dan penghulu. Semasa pemerintahan bagindalah ramai ulama-ulama datang ke Terengganu seperti dari Pattani yang telah membuat penempatan di Pulau Duyung dan membuka pengajian agama di situ.

Keadaan pentadbiran undang-undang Islam di zaman baginda adalah kemas kerana pegawai-pegawai tadbir baik di peringkat atas atau bawah

⁹⁵Shahril Talib Robert, Op.cit., hal.39.

⁹⁶Lihat Mohammad bin Abu Bakar, "Sayyid Abd.Rahman bin Muhammad Al-Idrus (Tuk Ku Paloh): Peranannya dalam Konteks Sejarah Terengganu Abad ke-19 - Awal 20-an, Latihan Ilmiah Untuk Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Oktober, 1974.

⁹⁷Shafie Abu Bakar, "Perkembangan Keilmuan Dan Kesedaran Keislaman di Terengganu, Pesaka V, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1989, hal.23.

adalah mereka yang terdiri dari ulama dan mereka yang faham tentang agama.

Menurut Dato' Haji Salleh dan Dato' Perba Diraja dalam masa pemerintahan baginda Omar Perundangan Islam berjalan begitu kuat. Perbuatan jenayah seperti mencuri, berzina dan sebagainya jarang-jarang berlaku. Sesiapa yang didapati melanggar syariat Allah akan dikenakan hukuman seperti mencuri akan dipotong tangan. Kejadian ini pernah berlaku dan Dato' Perba sendiri pernah berjumpa dengan si pensalah yang telah dipotong tangannya seperti seorang penjual ikan yang dipanggil orang "Pak Lah" yang menjaja ikan antara Kuala dan Seberang Takir dengan perahu jalor yang kudung tangannya.⁹⁸

Semasa Terengganu di bawah pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, baginda begitu mencintai ilmu keagamaan. Baginda boleh dikatakan setanding dengan ulama-ulama yang terkenal di Terengganu. Kedudukan ulama di zaman baginda begitu dimuliakan. Baginda selalu menjemput semua ulama ke Istana berbincang soal-soal agama di samping menjemput sama pembesar-pembesar Negeri supaya menyertai sama perbincangan. Ulama ditawarkan tempat tinggal percuma dan diberi tanah wakaf agar mereka lebih giat di bidang pendidikan Islam. Segala penyelesaian berkaitan soal agama dirujuk kepada Jemaah Mesyariat Tertinggi yang dikenali "Ahlul al-Hilli wal Aqadi". Di zaman ini juga keturunan Al-Idrus ber peranan seperti Sayyid Mustaffa (Tukku Tuan Dalam) seorang Ulama dan

⁹⁸ Wawancara dengan Dato' Perba Diraja, op.cit.

Ahli Mesyuarat Majlis. Dari segi jawatan ulama-ulama seperti Tuk Ku Tuan Besar sendiri menjadi Syeikh al-Ulama pada zaman Sultan Baginda Omar, demikian juga anaknya Tuk Ku Paloh menjadi Ulama dan Ahli Majlis Mesyuarat di zaman Sultan Zainal Abidin III. Pada tahun 1304H (1886/1887) Sultan Zainal Abidin III telah melantik seorang tokoh agama di Kuala Terengganu yang bernama Tuan Haji Abdul Latif bin Sulong menjadi Kadi dan dikurniakan mohor kepadanya dengan gelaran "Khadismusy Syar'i". Menurut catatan yang lain pula semasa Sultan Zainal Abidin berakad nikah dengan Tengku Long Puteri, Sulong Ahmad Pahang dipekan, Pahang pada 17hb. Disember, 1885 ada disebut nama seorang kadi Terengganu yang bernama Haji Mohammad bin Yusof menjalankan akad pernikahan Diraja itu.⁹⁹

Engku Sayyid Paloh (Tuk Ku Paloh) bukan sahaja memainkan peranan keagamaan menjelang awal abad ke-20, tetapi menjadi seorang ahli Majlis Negeri dan Penasihat Sultan yang berpengaruh. Ia dikatakan telah melibatkan diri dalam penggubalan Undang-undang Tahun 1911. Sebagai seorang Sheikhul-Ulama, Sayyid Abd. Rahman berusaha mengasaskan "Legal-rational" Islam dalam ketatanegaraan Melayu Islam Terengganu. Muridnya, Sultan Zainal Abidin III berusaha melaksanakan dasar-dasar dan lunas-lunas Islam dalam pentadbiran politik dan kehakiman tetapi ternyata bahawa kemaraan faham penjajah telah menimbulkan banyak masalah pada pentadbiran Baginda dalam dekad-dekad awal abad ke-20.¹⁰⁰ Beliau

⁹⁹ Dato' Setia Jasa, op.cit., hal.101

¹⁰⁰ Lihat J.de Vere Allen, "The Ancient Regime in Terengganu, 1909-1919", JMBRAS, Vol.41, hal.23-53.

merupakan seorang ulama yang amat dihormati kerana kealimannya dan kegiatannya dalam memperkembangkan Islam dan ilmu pengetahuannya di Terengganu. Kedudukannya yang ada hubungan dengan keturunan Rasulullah dan hubungan rapatnya dengan pemerintah sebagai Syeikh Ulama dan bermesyawarah dengan keluarga Sultan Zainal Abidin III menjadikannya amat berpengaruh di dalam masyarakat.

Pengaruh Islam tidak saja meresap ke tengah masyarakat tetapi juga menjadi dasar asas pemerintahan di Terengganu terutama di zaman Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin. Kedua-dua Sultan Terengganu ini begitu mencintai Islam dan ilmu pengetahuan Islam dan mereka ini berurusan dengan ulama-ulama terkenal di Terengganu. Peglibatan ulama dalam pentadbiran dan pentadbir-pentadbir yang memahami Islam telah mempengaruhi pentadbiran dan pemerintahan di Terengganu. Sebagai kesannya dapat dilihat dalam Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang dibuat oleh Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1329H/1911 yang melibatkan ulama-ulama, Orang Keistimewaan dan Kerabat Diraja yang diberi judul *Itqa al-Muluk fi Ta'dil al-Suluk*.¹⁰¹

¹⁰¹ Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, Kuala Lumpur: Mabatan Cetak Kerajaan 1973.